

Persidangan yang akan bermula 27 Mac selama seminggu itu akan dihadiri lebih 1,000 orang terdiri daripada pakar, juruteknologi, jurutera, vendor and operator rangkaian Internet dari serta pelusuk dunia.

Beliau antara lima peserta yang terpilih daripada 240 calon dari seluruh dunia melahirkan rasa bangga kerana pemilihan itu sekaligus memberi pengiktirafan bukan sahaja untuk dirinya malah kepada rakan penyelidik dan akademik dari rantau ini, UUM serta rakyat Malaysia.

Dr. Suhaidi Hassan ketika ditemui berkata, pemilihan sebagai Felo Internet Society (ISOC) ke sidang IETF ini dipilih dari kalangan individu yang berpendidikan teknikal yang mantap dan berpengetahuan mendalam mengenai bidang tugas serta tanggungjawab IETF.

Peserta yang terpilih untuk mewakili sidang ini melalui proses pemilihan yang kompetitif dan dilaksanakan oleh satu jawatankuasa pemilih IETF berdasarkan latar belakang dan sumbangan teknikal calon dalam bidang berkaitan IETF yang merangkumi aspek penyelesaian isu dan pembangunan piawaian Internet termaju.

"Di sana nanti setiap felo terlibat secara langsung dalam sidang pleno, sesi perbincangan bagi menyelesaikan isu dan permasalahan dalam pembangunan piawaian protokol Internet," ujarnya lagi.

Setiap peserta juga akan dibimbing oleh seorang pakar IETF yang bertindak sebagai mentor.

Manakala semua perbelanjaan pula ditanggung oleh Internet Society, sebuah badan dunia yang beribupejabat di Reston, Amerika Syarikat dan Geneva, Switzerland.

"Peluang ini akan saya gunakan sebaiknya bagi mempromosikan sumbangan kepakaran rakyat Malaysia dan UUM di persada dunia," ujar beliau lagi.

Dr Suhaidi pada masa ini berkhidmat sebagai Chair InterNetWorks SIG of ISOC Malaysia Chapter dan mempengerusikan UUM InterNetWorks Research Group yang mengandungi lima penyelidik dan 20 pelajar PhD.

Pada tahun 2009 hingga 2010, kumpulan beliau telah menerbitkan lebih daripada 30 artikel di seluruh dunia.

Beliau juga memainkan peranan penting dalam mewujudkan ITU-UUM Asia Pacific Center of Excellence for Rural ICT Development yang menjadi pusat menyediakan bantuan teknikal ke negara-negara di rantau Asia Pasifik untuk pembangunan dan penggunaan ICT di kawasan luar bandar.

Habis.

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my